

Headline	REHDA yakin lebih banyak rumah terjual		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	25,26	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	258 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,576
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,728



Sabtu. 27.04.2019



## REHDA Yakin lebih banyak rumah terjual Ms.26

## REHDA yakin lebih banyak rumah terjual

**Persatuan** Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) yakin lebih banyak unit kediaman akan terjual menerusi Kempen Pemilikan Rumah (HOC) apabila setakat ini sebanyak RM9.2 bilion projek membabitkan 13,000 unit kediaman berjaya didaftarkan di bawah kempen berkenaan.

Presiden REHDA, Datuk Soam Heng Choon, berkata pihaknya yakin penganjuran Kempen Pemilikan Rumah-Ekspo Hartanah Malaysia 2019 (HOC-MAPEX) pada 26 hingga 28 April ini juga akan menyumbang kepada peningkatan unit kediaman dijual.

"REHDA optimis sasaran jualan sebanyak RM3 bilion yang ditetapkan sepanjang HOC berlangsung dari Januari hingga Jun ini dapat dicapai.

"Kita berharap daripada RM9.2 bilion yang direkodkan ini lebih banyak pinjaman pembeli akan diluluskan.

"Malah, bagi pihak REHDA pula disamping penawaran 10 peratus diskaun oleh pemaju, kami turut menawarkan rebat tunai berjumlah RM100,000 kepada 50 pembeli terawal," katanya kepada media selepas pelancaran HOC-MAPEX 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

Ekspo tiga hari itu dirasmikan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Sempena HOC-MAPEX 2019, sebanyak 72 pemaju hartanah swasta akan mempamerkan pembangunan hartanah masing-masing yang bukan saja terletak di sekitar Lembah Klang malah di seluruh negara seperti Johor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Pulau Pinang.

Ekspo ini juga menyaksikan pembabitan tujuh institusi kewangan termasuk Maybank, CIMB Bank, Hong Leong Investment Bank, Public Bank, RHB Bank dan United Overseas Bank yang menyediakan serta menawarkan pinjaman perumahan kepada bakal pembeli.

Selain pemaju dan institusi kewangan, terdapat penyertaan agensi kerajaan seperti Kementerian Wilayah Persekutuan melalui RUMAWIP, Lembaga Perumahan Hartanah Selangor, Jabatan Perumahan Negara, Tribunal Pengurusan Perumahan dan Strata, Lembaga Pembiayaan Rumah Sektor Awam, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sementara itu, Heng Choon berkata REHDA menerusi anak syarikatnya, GreenRE iaitu badan pensijilan yang mengiktiraf indeks bangunan hijau di Malaysia akan memperkenalkan inisiatif khas bagi rumah mampu milik.

"GreenRE bersetuju memberikan diskaun sebanyak 50 peratus untuk fi penilaian bagi projek rumah mampu milik di seluruh Malaysia," katanya.



Kita berharap daripada RM9.2 bilion yang direkodkan ini lebih banyak pinjaman pembeli akan diluluskan"

**Soam Heng Choon,**  
Presiden REHDA